



**TEKS UCAPAN
YAB DATUK SAARANI MOHAMAD
MENTERI BESAR PERAK**

**SEMPENA MAJLIS MENANDATANGANI
PERJANJIAN KONSESI SISTEM e-TANAH ANTARA
KERAJAAN PERSEKUTUAN,
KERAJAAN NEGERI PERAK
DAN
PUNCAK TEGAP SDN BHD
PADA
29 JANUARI 2021**

Bismillahirrahmanirrahim.

Terima kasih saudara/i Pengacara Majlis;

(Salutations)

- Yang Berhormat Dato' Dr Shamsul Anuar bin Hj Nasarah
Menteri, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
- Yang Berbahagia Datuk Zurinah binti Pawanteh
Ketua Setiausaha, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
- Yang Berhormat Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim
Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
- Yang Berhormat Tuan Azmir Shah Bin Zainal Abidin
Penasihat Undang-undang Negeri Perak
- Yang Berbahagia Dato' Mohamad Fariz Bin Mohamad Hanip
Pengarah PTG Perak

- Yang dihormati Tuan Syed Azmin bin Syed Nor,
Pengerusi Puncak Semangat Group
- Encik Nigel Lee,
Ketua pegawai Eksekutif, Puncak Tegap Sdn Bhd
- YB. Dato', YBhg. Dato', Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan
para hadirin yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Terlebih dahulu, saya ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadrat Allah S.W.T. di atas limpah rahmat dan kasih-Nya, kita dapat merealisasikan Majlis Menandatangani Perjanjian Konsesi Sistem e-Tanah Antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Perak dan Puncak Tegap Sdn Bhd pada hari ini. Majlis secara maya yang diadakan pada hari ini adalah satu langkah yang sangat bernas dan efisien dalam mengadaptasi dan memperkasakan norma baharu dalam perkhidmatan awam.

Hadirin sekalian,

Sebagaimana yang dipersetujui dengan pihak Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG), **sistem e-Tanah ini mula dibangunkan di negeri Perak sejak bulan Mac 2018** di mana

perkembangan projek sudah siap sepenuhnya dan pihak Pejabat Tanah dan Galian Perak serta syarikat Puncak Tegap Sdn Bhd sebagai vendor untuk projek e-Tanah Perak telah bertungkus lumus dalam memastikan ketersediaan sistem bagi pelaksanaan di negeri Perak.

Pelaksanaan **Projek e-Tanah di negeri Perak berteraskan sistem berkomputer bersepadu** dilihat akan meningkatkan kecekapan pentadbiran tanah dan tenaga kerja yang lebih efektif, memperkasakan perkhidmatan awam dan untuk mempercepatkan urusan tanah di pentadbiran tanah di Negeri Perak.

Sistem e-Tanah dilihat sebagai **salah satu pendorong penting kepada penggunaan teknologi secara online sepenuhnya dalam menyediakan negara ke arah The Fourth Industrial Revolution (IR4.0)** untuk memobalisasi penyampaian Perkhidmatan Awam secara digital. Pendigitalan ini adalah amat diperlukan pada masa yang mencabar ini bukan hanya untuk pejabat tanah tetapi yang lebih penting adalah untuk orang awam yang boleh membuat transaksi secara online tanpa perlu pergi ke kaunter pejabat. **Ini adalah satu langkah untuk mengadaptasi norma baharu dalam perkhidmatan awam melalui penyampaian sistem kerajaan secara online dengan menggalakkan pembayaran**

secara 'Cashless', mengurangkan pergerakan / 'face to face' di kaunter serta dapat mengurangkan ketirisan/integriti kakitangan dalam berurusan seharian.

Hadirin sekalian,

Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan projek e-Tanah di negeri Perak. Sesungguhnya perjanjian secara 'tripartite' membuktikan penglibatan bersepadu di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Perak dan Puncak Tegap Sdn Bhd Telah dapat merealisasikan dalam memastikan sistem e-Tanah ini beroperasi mengikut masa yang dirancangkan, serta boleh dimanfaatkan oleh pentadbiran tanah, disamping dapat memberi lebih kemudahan kepada orang awam dalam menjalankan urusan di Pejabat Tanah.

Sekian, Wabillahi taufik walhidayah, Wassalam mua'laikum warahmatullahi wabarakatuh.